

KOTA BAHARU, 27 MAC (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI ADA PIHAK TERTENTU YANG MENYEBARKAN DAKYAH KONONNYA KALAU ORANG ISLAM BERPERANG SESAMA ISLAM, MAKA KEMATIAN MEREKA ADALAH BAIK DARIPADA SEGI AGAMA.

+MEREKA SUDAH JAUH LARI DARIPADA AJARAN ISLAM SEHINGGAKAN MEMBAWA KEMATIAN UNTUK MEMBANGKITKAN SEMANGAT,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA KIRA-KIRA 10,000 ORANG YANG MENYAMBUK KETIBAAN BELIAU DI LAPANGAN TERBANG ISMAIL PETRA DEKAT SINI.

KATANYA, +ORANG YANG SUDAH MATI ITU DIPUJA BUKAN SEBAGAI MANUSIA LAGI TETAPI SEBAGAI SATU BENDA YANG PELIK SEKALI UNTUK MEMBANGKITKAN SEMANGAT.+

PERBUATAN ITU ADALAH SESAT PADA SISI AGAMA DAN MENJADI TANGGUNGJAWAB ANGGOTA-ANGGOTA UMNO UNTUK MENARIK +MEREKA+ KEMBALI KE JALAN YANG BENAR, AJARAN AL-QURAN DAN AJARAN ISLAM.

BELIAU MENYERU MEREKA MENINGGALKAN CARA-CARA YANG BUKAN ISLAM DAN KEMBALI KEPADA AJARAN ISLAM. -- LAGI.

2004MST 27 03 85

B B354 AAB

MAHATHIR-PUJA 2 KOTA BAHARU

KATANYA MEREKA YANG GUGUR DALAM PEPERANGAN IRAN-IRAQ TIDAK BOLEH DIKATAKAN MATI SYAHID KERANA MEREKA BERJUANG BUKAN KERANA MEMPERTAHKAN AGAMA DARIPADA SERANGAN MUSUH.

PERSENGKETAAN YANG MENGAKIBATKAN KEMATIAN SIA-SIA KIRA-KIRA 800,000 ORANG ITU BOLEH DISELESAIKAN MELALUI PERUNDINGAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO TIDAK MENOLAK PAS MALAHAN BERSEEDIA BERUNDING DAN BEKERJASAMA SEKIRANYA MEREKA BENAR-BENAR BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM.

KATANYA, +PENERIMAAN MEREKA DALAM BARISAN NASIONAL TIDAK LAMA DAHULU MENUNJUKKAN UMNO TIDAK TAMAKKAN KUASA TETAPI MALANGNYA MEREKA TIDAK JUJUR DAN TERPAKSA TERPISAH ATAS TINDAKAN MEREKA SENDIRI.+

BELIAU BERKATA UMNO SEBAGAI PEJUANG AGAMA DAN BANGSA AKAN BERUSAHA UNTUK MEMBUKA MATA MEREKA BAGI MENUNJUKKAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA DAN SUPAYA MENINGGALKAN PARA PEMIMPIN MEREKA YANG MEMPERALATKAN AGAMA DEMI INGINKAN SOKONGAN. -- LAGI.

2012MST 27 03 85

B B355 AAB

MAHATHIR-PUJA 3 KOTA BAHARU

+ANGGOTA-ANGGOTA UMNO HENDAKLAH TERUSKAN PERJUANGAN SEHINGGA TIDAK ADA LAGI MANUSIA YANG MUDAH TERKELIRU DALAM MASYARAKAT,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, BELIAU BERKATA WALAUPUN UMNO MEMPUNYAI KUASA YANG BESAR TETAPI IA AKAN MENTADBIR NEGARA SECARA ADIL MENGIKUT KEHENDAK AGAMA.

+KITA TIDAK HENDAK DUNIA BERKATA BAHAWA APABILA ORANG-ORANG ISLAM MEMERINTAH MAKA MEREKA MEMERINTAH SECARA ZALIM,+ TEGASNYA.

DALAM PADA ITU PADA WAKTU YANG SAMA +KITA TIDAK LUPA KITA SESAMA KITA ORANG-ORANG ISLAM ADALAH BERSAUDARA DAN KALAU KITA BERSAUDARA KITA HENDAKLAH BERSIKAP SEBAGAI SAUDARA.

+TIDAK ADA GUNANYA KITA MENGAKU SEBAGAI ORANG ISLAM KITA BERSAUDARA TETAPI SEBALIKNYA TINDAKAN KITA MEMBUKTIKAN KITA TIDAK MENGHORMATI APA YANG KITA KATA DAN BERPECAH-BELAH.+

SEBELUM ITU PENERUSI BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DATUK HAJI MOHAMED YAACOB BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DI KELANTAN TELAH MENGENAL PASTI SIAPAKAH +MUSUH+ MEREKA DAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN SEBUAH KERUSI UMNO PUN TERLEPAS KEPADA MEREKA. -- BERNAMA.

2014MST 27 03 85